

## SYARAT DAN PERATURAN UMUM PROSENIUM INTEGRITI

---

1. Terbuka kepada semua peserta yang akan mewakili kolej kediaman UKM dan sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana secara sepenuh masa dan berdaftar secara sah dengan Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Setiap kolej dibenarkan mengimport (menggunakan khidmat) peserta dari kalangan pelajar berdaftar yang tidak menginap di mana-mana kolej (NHO). Jumlah maksimum peserta yang boleh diimport adalah 4 orang sahaja.
3. Setiap kolej hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja dan yuran penyertaan adalah sebanyak RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja)
4. Mana-mana kolej yang akan menyertai pertandingan ini hendaklah melengkapkan borang penyertaan dan **hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Pertandingan mengikut tarikh akhir yang ditetapkan nanti bersama naskhah yang dilampirkan.**
5. Peserta dibenarkan membawa dan menggunakan alat bantu persempahan yang bersesuaian dan tidak merbahaya atau mengganggu semasa pertandingan dijalankan.
6. Setiap peserta adalah bebas menggunakan kreativiti masing-masing dalam persempahan dan sebarang penggunaan peralatan (props, set, make up) untuk pertandingan adalah di bawah tanggungjawab peserta itu sendiri. Walau bagaimanapun kreativiti yang tidak sesuai dengan budaya timur akan dibatalkan penyertaannya.
7. Sebarang kehilangan barang-barang, kecederaan dan kemalangan yang disebabkan oleh kecuaian peserta semasa acara berlangsung adalah di bawah tanggungan sendiri.
8. Setiap peserta hendaklah berpakaian yang bersesuaian serta tidak mencolok mata.
9. Semua perbelanjaan perjalanan adalah di bawah tanggungan kolej masing-masing.
10. Peserta akan diadili oleh Panel juri Profesional yang dilantik oleh penganjur. **Keputusan panel juri adalah muktamad.** Sebarang rayuan dan bantahan dalam apa juu bentuk tidak akan dilayan.

11. Peraturan universiti yang sedia ada perlulah dipatuhi sepanjang masa.
12. Setiap peserta mesti berada 2 jam sebelum giliran pertandingan bermula.
13. Sebarang kemalangan/kecederaan atau kerugian semasa bengkel ini adalah tanggungjawab sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kepada pihak penganjur.
14. Borang penyertaan boleh dihantar melalui tangan atau emel kepada Urusetia Pertandingan. Kolej terlibat juga boleh menghubungi pihak Urusetia bagi mengesahkan penyertaan;

**Nama Urusetia :** ADAM SALIHIN BIN ISMAIL FAHMI  
**Alamat :** Setiausaha Projek Pertandingan  
Prosenium Integriti  
Pusat Kebudayaan Universiti,  
Aras 3, Dewan Canselor Tun Abdul Razak,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor

**No. Telefon :** 011-60534428  
**Emel :** [a185364@iswa.ukm.edu.my](mailto:a185364@iswa.ukm.edu.my)